

KENYATAAN MEDIA

(dikemaskini pada 17 Ogos 2015)

LABUAN DUATHLON CHALLENGE 2015

29 - 30 Ogos 2015

TEMPAT (MULA / TAMAT) : DATARAN LABUAN

RINGKASAN ACARA

Acara ini melibatkan dua (2) disiplin sukan iaitu **BERLARI** dan **BERBASIKAL**. Dalam acara *Labuan Duathlon Challenge 2015* ini, peserta dikehendaki berlari sejauh 5km kemudian berbasikal sejauh 35km dan berlari semula sejauh 5km sebelum menamatkan pertandingan.

**Peta laluan disertakan untuk makluman.*

NOTIS BAGI PENGGUNA JALAN RAYA

Jalan - jalan berikut (dalam peta) akan digunakan sebagai laluan peserta sempena Pertandingan Labuan Duathlon pada 30 Ogos 2015 (Ahad) bermula jam 6.00 pagi hingga 11.00 pagi. Tuan / Puan dinasihatkan untuk mengatur masa perjalanan pada hari tersebut bagi mengelakkan sebarang kerumitan.

Tahun ini merupakan tahun kedua acara ini diadakan di Labuan. Acara ini juga telah dimasukkan ke dalam acara tahunan pelancongan dan pada tahun ini dijangka lebih ramai peserta antarabangsa akan mendaftar. Sehingga hari ini, pihak penganjur sudah menerima 256 penyertaan berbanding tahun lepas, cuma 190 penyertaan sahaja. Acara ini juga merupakan "**Signature Event**" Perbadanan Labuan dan akan diadakan semasa Sambutan Bulan Kemerdekaan setiap tahun. Pihak penganjur juga telah menetapkan tarikh **28 Ogos 2016 (Ahad)** untuk mengadakan Labuan Duathlon Challenge pada tahun hadapan. Diharap acara ini dapat mewujudkan pengikut / peminat (followers) sukan ini dari seluruh dunia pada masa akan datang.

VISI DAN MISI PENGANJURAN ACARA

- Mempromosikan Labuan sebagai destinasi Sukan Pelancongan yang popular dan berdaya saing
- Mewujudkan gaya hidup sihat dalam komuniti
- Menjadikan sukan ini terkenal diantara para belia dan mengetengahkan para atlet Labuan yang sudah menempa nama di tempat lain
- Mewujudkan atlet baharu di Labuan melalui sukan ini
- Dijadikan sebagai kempen kesedaran mengenai kepentingan kesihatan kepada setiap individu
- Menjadikan Labuan sebagai destinasi antarabangsa untuk pelancongan sukan yang bertaraf dunia.

PENGANJUR DAN PENGELOLA

Acara ini dianjurkan oleh Perbadanan Labuan dengan kerjasama *Sabah~Labuan Extreme Sports Fan Club* dan beberapa agensi kerajaan di Labuan serta Badan-badan Bukan Kerajaan yang lain. Pengelola acara ini juga terdiri dari beberapa orang atlet terkenal dalam sukan ekstrem seperti Steve Datuk Johnny Mositun, Reinggo Tom dan Cowboy Miala dibantu oleh DJ Selebriti Sabah iaitu Encik Andrew Impongan atau lebih dikenali sebagai Othoe yang membantu dari segi promosi dan aturan acara.

TEMPAT PERMULAAN DAN PENAMAT

Dataran Labuan

KATEGORI

- Group A : 18 - 39 Years Old (Men)**
- Group B : 18 Years & Above (Women Open)**
- Group C : 40 - 49 Years Old (Junior Veteran)**
- Group D : 50 Years & Above (Veteran)**
- Group E : Relay**

HADIAH

Tempat Pertama	:	RM2,000.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-2	:	RM1,500.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-3	:	RM1,000.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-4	:	RM700.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-5	:	RM600.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-6	:	RM500.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-7	:	RM400.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-8	:	RM300.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat Ke-9	:	RM200.00 + Medal + Sijil Penyertaan
Tempat ke-10	:	RM100.00 + Medal + Sijil Penyertaan

PROMOSI DAN PEMASARAN

Maklumat terkini mengenai acara ini boleh diperolehi dari laman sosial berikut :

Facebook : **Labuan Tourism**
 : Labuan Duathlon Challenge

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi alamat berikut :

Jabatan Pelancongan, Perbadanan Labuan (Herza / Kelly)

(T) +60 87 408 740 / 41 / 46

(F) +60 87 426 582

(E) explore@labuantourism.my

ATAU


Hubungi Mr Roger Teo +60 19 532 6399

 Ms Hellena +60 17 801 7075

 Mr Reinggo Tom +60 14 201 9127

**ACARA - ACARA PENGISIAN YANG LAIN SEMPENA SAMBUTAN HARI
KEMERDEKAAN PERINGKAT WP LABUAN TAHUN 2015**

BIL	PROGRAM	TARIKH / MASA	TEMPAT	PENGANJUR / PENGELOLA
1.	Futsal Merdeka	8 - 9 Ogos	Gelanggang Futsal PL	PL dan PEMADAM
2.	Fiesta Bunga Kebangsaan	16 Ogos	Dataran Labuan	JPNIN
3.	Labuan Strongest Man	22 - 23 Ogos	Dataran Labuan	MOTAC
4.	Majlis Doa Kesyukuran	27 Ogos 6.30 petang	Masjid Jamek Annur	Jabatan Agama Islam (JAWI)
5.	Labuan Island Bike Week	28 - 30 Ogos	Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan	LA Riders
6.	Labuan Duathlon Challenge	30 Ogos	Dataran Labuan	PL dan Kelab Sukan Lasak Sabah & Labuan
7.	Himpunan Anak Merdeka	30 Ogos 7.30 malam	Dataran Labuan	JPNIN
8.	Larian Mesra Merdeka	31 Ogos	Dataran Labuan	PL dan Persatuan Olahraga Amatur Labuan
9.	Bulan Kreativiti dan Inovasi	1 - 3 September	Innospace Labuan	JPNIN
10.	LICER 2015	3 - 5 September	Bilik Rafflesia, Ujana Kewangan	Jabatan Pendidikan
11.	Alumni AYFIC	6 September	Dewan Konvensyen, Ujana Kewangan	JPNIN
12.	Konsert Matahari Terbenam	6 September	Pantai Damai, Kg. Layang-Layangan	JPNIN
13.	Karnival Perkampungan Islam "Rasullah Idola Sepanjang Zaman	12 September	Kolej Matrikulasi Labuan	Persatuan Anak Muda Labuan (PAMULA)

 Acara yang dianjurkan bersama dengan Perbadanan Labuan

ACARA LARIAN MESRA MERDEKA

Anjuran :

Perbadanan Labuan dengan kerjasama Persatuan Olahraga Labuan

Tarikh / Tempat / Masa :

Tarikh : 31 Ogos 2015 (Isnin)

Tempat : Dataran Labuan (MULA / TAMAT)

Masa : 6.00 pagi hingga 11.00 pagi

Kategori :

PERSEORANGAN TERBUKA		PELAJAR SEKOLAH	
KOD	ACARA	KOD	ACARA
A1	Terbuka Lelaki (8km) (18 - 44 tahun)	B1	Junior Lelaki (3km) (10 - 12 tahun)
A2	Terbuka Wanita (8km) (18 - 44 tahun)	B2	Junior Perempuan (3km) (10 - 12 tahun)
A3	Lelaki Veteran (8km) (45 tahun ke atas)	B3	Senior Lelaki (8km) (13 - 17 tahun)
A4	Wanita Veteran (8km) (45 tahun ke atas)	B4	Senior Perempuan (8km) (13 - 17 tahun)

Pendaftaran :

Tarikh : 22 hingga 25 Ogos 2015

Tempat : Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan

Yuran Penyertaan :

RM10.00 : Kategori Dewasa 18 tahun ke atas

RM5.00 : Kategori Pelajar 10 hingga 17 tahun

Hadiah :

KOD	ACARA	HADIAH WANG TUNAI (RM)					
		JUARA	NAIB JUARA	KE-3	KE-4	KE-5	KE-6 HINGGA KE-15
A1	Terbuka Lelaki	500.00	400.00	300.00	200.00	100.00	50.00
A2	Terbuka Wanita	500.00	400.00	300.00	200.00	100.00	50.00
A3	Lelaki Veteran	500.00	400.00	300.00	200.00	100.00	50.00
A4	Wanita Veteran	500.00	400.00	300.00	200.00	100.00	50.00
B1	Pelajar Junior Lelaki	200.00	150.00	100.00	75.00	50.00	25.00
B2	Pelajar Junior Perempuan	200.00	150.00	100.00	75.00	50.00	25.00
B3	Pelajar Senior Lelaki	500.00	400.00	300.00	200.00	100.00	50.00
B4	Pelajar Senior Perempuan	500.00	400.00	300.00	200.00	100.00	50.00

MAKLUMAT TAMBAHAN LARIAN MESRA MERDEKA

- 1) Borang penyertaan boleh diperolehi di Kaunter Perpustakaan Awam Labuan, Jabatan Pelancongan Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Labuan dan Labuan Supermarket pada waktu pejabat.
- 2) Sila hantarkan borang yang telah lengkap diisi kepada Urusetia Larian Mesra Merdeka 2015 di Perpustakaan Awam Labuan.
- 3) Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pn. Rosni (+60 87 408 662 / 019 882 0526)** ATAU **Lee Kiat Khim (+60 19 812 1661)**

Disediakan Oleh :
Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian (Perbadanan Labuan)

Pegawai yang dihubungi :
En Mahathir Abdul Hamid (Pengaroh)
Pn. Zunaidah Hamzah (Pen. Pengarah, Acara & Promosi)

Tel : +6 087 408 741 / 44 Email : zunaidah.hamzah@pl.gov.my
Website: www.pl.gov.my / www.labuantourism.my